



Wakaf Tunai Di Perbadanan Wakaf Selangor (Pws): Satu Tinjauan Ringkas Tahap Kesedaran Masyarakat Di Negeri Selangor

Cash Waqf At Perbadanan Wakaf Selangor (Pws): A Survey Of Public Awareness Level In Selangor

MUHAMAD ANAS BIN IBRAHIM¹, AEMY BIN AZIZ², NURUL ILYANA MUHD ADNAN³, MUHAMMAD SAIFUL ISLAM
BIN ISMAIL⁴, SYAIMAK ISMAIL⁵,

Received: September 19, 2023

Accepted: September 25, 2023

Online Published: September 30, 2023

Abstrak

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui tahap kesedaran dari kalangan masyarakat beragama Islam terhadap wakaf di PWS (Perbadanan Wakaf Selangor) melalui wakaf tunai. Terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran masyarakat yang mana memberi impak kepada keberkesanan wakaf tunai kepada komuniti terutamanya kepada umat Islam. Kurangnya kesedaran apabila berlaku permasalahan misalnya kurang pemahaman dan salah anggap menjadi asbab kepada kelemahan dalam menjalankan kaedah wakaf jenis ini. Oleh itu, beberapa langkah boleh diambil untuk mengatasi permasalahan tersebut seterusnya dapat meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya umat Islam untuk memberi wakaf. Objektif kajian yang dilakukan adalah untuk mengenalpasti apakah punca yang menyebabkan kurangnya kesedaran dan reaksi masyarakat terhadap dana wakaf tunai, memberi pencerahan atau penjelasan kepada masyarakat mengenai perkara ini serta membaikpulih pengetahuan dari kalangan umat Islam di Selangor terhadap wakaf dengan lebih efektif. Kaedah yang digunakan sebagai cara untuk mendapatkan maklumat adalah dengan cara kualitatif iaitu sesi temu bual di mana terdapat beberapa wakil dari institut PWS dijadikan sebagai responden untuk menjawab segala yang berkaitan dengan wakaf tunai. Hasil yang diperoleh dari sesi temu bual kemudian akan dianalisis dan dikaji untuk menemukan jawapan untuk memenuhi kehendak objektif kajian dan untuk mengetahui sama ada ia bertepatan ataupun sebaliknya. Secara tuntasnya, dapat dirumuskan bahawa keberkesanan dana wakaf tunai yang memberi manfaat kepada komuniti dapat direalisasikan dengan peningkatan daya pengetahuan yang baik oleh masyarakat terutamanya umat Islam di negeri ini.

Kata kunci: Kesedaran, Wakaf Tunai, Perbadanan Wakaf Selangor,

Abstract

This research aims to explore the awareness level among the Muslim community about cash waqf in PWS (Perbadanan Wakaf Selangor). There are factors that affect community awareness which impact the cash waqf effectiveness to the community, especially to Muslims. The lack of awareness due to misunderstanding has been the cause of weakness in carrying out waqf method. Therefore, several steps were taken to overcome the problem, as well as increase the community awareness especially Muslims. The research objective is to identify the cause of the awareness weaknesses and the community's reaction to cash waqf funds, to enlighten and explain to the community regarding the waqf knowledge improvement especially involves Muslims in Selangor more effectively. Information was obtained through a qualitative method, which is an interview session involving several representatives from the PWS institute as respondents to sort out the findings regarding cash waqf. The results obtained from the interview session are analyzed

¹ Dr Muhammad Anas Ibrahim ialah Pensyarah Kanan di Akedemi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Terengganu. E-Mail: anasibrahim@uitm.edu.my

² Aemy Aziz ialah Pensyarah, di Akedemi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Segamat, Johor. E-Mail: aemy@uitm.edu.my

³ Dr Nurul Ilyana Muhd Adnan ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-Mail : ilyana_adnan@ukm.edu.my

⁴ Dr Muhammad Saiful Islam Bin Ismail ialah Pensyarah Kanan di Akedemi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kedah. E-Mail: saifulislam@uitm.edu.my

⁵ Dr Syaimak Ismail ialah Pensyarah Kanan di Akedemi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis. E-Mail: syaimak@uitm.edu.my



to coincide with the research objectives or vice versa. In conclusion, the effectiveness of cash waqf funds that benefit to the community can be realized by increasing the community acknowledgement, especially Muslims in this state.

Keywords: Awareness, Cash Waqf, Perbadanan Wakaf Selangor

1.0 Pengenalan

Wakaf merupakan harta atau benda yang bertujuan untuk disumbangkan ke jalan Allah SWT sama ada ianya boleh dijadikan sebagai aktiviti yang terlibat dengan ekonomi, membantu golongan yang memerlukan, membina fasiliti contohnya masjid-masjid dan bangunan serta sumber bantuan yang dapat memberi manfaat berbentuk kekal kepada penerima wakaf tersebut. Penderma yang memberi sumbangan yang bertujuan dengan keagamaan (Syariah Islam), maka ia amat digalakkan kerana banyak kebaikan yang dapat diperolehi terutama kepada golongan yang menerimanya (Sabran, 2002 dipetik oleh Puad dll, 2014). Wakaf juga boleh dikenali sebagai kebendaan yang boleh digunapakai dan dimanfaatkan atas tujuan khusus yang tertentu dan barang atau aset yang diwakafkan tidak boleh dijual atau dibiarkan tanpa diuruskan (Mohsin, 2009 seperti yang dinyatakan oleh Sakti dll, 2016).

Manakala wakaf tunai adalah suatu bentuk wakaf yang bertujuan untuk keagamaan yang mana ia memberi banyak kebaikan kepada umat Islam. Metod seperti ini amat berkesan kerana ianya mudah dicairkan, senang diurus serta dapat diagihkan dengan mudah yang membawa kepada pembangunan komuniti Islam (Yayasan Wakaf Malaysia, 2019; Nadwi & Kroessin, 2013; Saduman & Aysun, 2009; Kahf, 1999 seperti yang diambil dari Fauzi dll, 2019). Wakaf tunai boleh digunakan untuk tujuan mudarabah dan hasil yang dijana melalui kontrak ini boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti amal jariah. Ini merupakan suatu jenis wakaf selain daripada kebiasaannya (misal kata bangunan dan tanah), dan wakaf jenis ini adalah untuk kegunaan sosial dalam masyarakat setempat (Sakti dll, 2016) Wakaf tunai dapat dilihat sebagai salah satu alternatif bagi pembangunan ekonomi makro, dapat mengurangkan perbelanjaan pentadbiran dan penjana dana untuk tujuan pembangunan (Mohamad, 2012 seperti yang dinyatakan oleh Haron dll, 2016). Oleh yang demikian, jelaslah bahawa wakaf tunai boleh dikira sebagai benda yang bermanfaat dan baik untuk tujuan keagamaan dan infrastruktur seperti bangunan sekolah, masjid dan lain-lain jenis fasiliti. Pada zaman Rasulullah SAW dulu lagi sudah mengamalkan wakaf untuk menolong umat Islam dari segala aspek dan membantu memperkukuhkan lagi status kewangan Islam menjadi lebih berkesan. Bukan sahaja wakaf tunai digunakan untuk membuat bangunan atau infrastruktur, ia juga boleh dijadikan sebagai tujuan akademik (pembelajaran).

2.0 Sorotan Karya

Menurut Ismail dll (2011), seperti yang dipetik oleh Chowdury dan lain-lain (2011) menjelaskan bahawa perkembangan dalam memberi kontribusi kepada wakaf semakin lemah. Ia berkemungkinan berlaku adalah disebabkan kurangnya kesedaran dan kefahaman oleh individu tertentu atau kerana seseorang tidak mempunyai apa-apa benda yang boleh diwakafkan. Adapun yang beranggapan wakaf hanyalah boleh diberikan dalam bentuk tanah dan aset bukan berbentuk tunai. Tidak kesemuanya yang mengetahui wakaf tunai, tapi mereka mempercayai bahawa ia merupakan salah satu bentuk tunai untuk kegunaan kebaikan (Ismail dll, 2015). Alias (2011) seperti yang dinyatakan dalam Shukor dll (2017) berpendapat bahawa skim kepenggunaan wakaf am masih tidak mampu untuk menghasilkan sumber yang efektif untuk memberi impak yang besar kepada sesuatu perkara. Manakala Puad dll (2014) memberi pendapat adapun mereka (masyarakat umum) tidak mengetahui langsung akan wakaf tunai dan lebih mengecewakan lagi apabila ada segelintir umat Islam sendiri tidak dimaklum akan kebaikan dan kegunaan yang amat baik wakaf tunai terhadap mereka. Sehubungan dengan itu, ada individu Muslim tidak memberi wakaf kerana mempunyai tanggapan yang salah dan tidak betul terhadap wakaf kerana mereka mempercayai wakaf hanyalah bentuk tanah dan aset kekal. Mereka sering mempercayai bahawa tanah sahaja yang boleh dijadikan sebagai wakaf (Mohammad, 2008 seperti yang ditulis oleh Chowdury dll, 2011).

Baquyatan dan penulis-penulis lain (2018) memberitahu hampir keseluruhan komuniti Islam tidak langsung peduli akan wakaf kerana ianya tidak diurus dengan cekap, pengagihan yang kurang memuaskan dan tidak relevan. Mereka lebih cenderung untuk memberi wakaf yang berbentuk kekal seperti tanah dan bangunan sahaja. Apa yang dapat disimpulkan adalah kaedah atau cara pemberian wakaf itu sendiri tidak didedahkan secara jelas kepada umum dan ada segelintir pihak yang menanggap wakaf ini hanyalah perkara biasa serta mereka melihat yang impak wakaf ini tidak begitu besar sekali. Di Selangor, ada sebahagian yang mengetahui akan perkara ini dan ada juga sebahagian yang lain langsung tidak tahu dan tidak ambil peduli akan wakaf. Isu kurang kefahaman dan salah sangka dalam kalangan umat Islam memberikan implikasi yang buruk kepada institusi wakaf seterusnya dapat merencatkan perkembangan wakaf.



2.1 Kesan Pelaksanaan Wakaf Tunai

Berdasarkan penulisan yang dibuat oleh Cizakca dll (2004) yang dipetik dalam Sanusi & Shafiai (2015), wakaf tunai banyak memainkan peranan antaranya dapat memperkembangkan hasil untuk membeli atau mendapatkan bangunan dan tanah, dapat dilihat pada zaman pemerintahan Uthmaniyyah. Wakaf tunai dapat diadaptasikan untuk kegunaan agama seperti membina masjid dan surau, bantuan kepada saudara baharu (Muallaf), membuat kawasan sebagai tanah kubur dan seumpamanya. Menurut Sadeq (2002) diambil dari Yaacob (2013), kegunaan wakaf tunai sebagai sumber kewangan dapat meletakkan manfaat yang dapat diterima darinya untuk kepelbagaian penggunaan dan salah satu kegunaan tersebut adalah membaikpulih institusi-institusi pendidikan. Selain aset dan tanah, wakaf dapat diperoleh melalui bentuk tunai atau wang bagi sumber dana kepada institusi perbankan atau kewangan Islam. Justeru itu, wakaf dapat dijadikan sumber kewangan yang dapat memberi berbagai-bagai kemudahan kepada seluruh negara. Wakaf juga berpotensi untuk memajukan lagi ekonomi Islam dan dapat meringankan tanggungan atau perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh kerajaan (Mohsin, 2013 seperti yang dinyatakan dalam Mahat dll, 2015). Wakaf tunai dapat diguna untuk kegunaan yang pelbagai dan darinya kebaikan dan manfaat. Sebagai contoh, Wakaf Muamalat Selangor menggunakan dana wakaf tunai sebagai kegunaan pendidikan dan perubatan yang mana hasilnya dapat memberi manfaat kepada umum terutamanya masyarakat Islam (Hassan dll, 2018).

Kesannya, wakaf mampu menjana banyak dana untuk memperluaskan lagi aset-aset seperti tanah wakaf yang terbiar boleh diusahakan bagi tujuan komersial dan agro (penternakan dan penanaman). Selain itu, dana wakaf tunai boleh dimanfaatkan bagi sumber kewangan dan membantu institusi-institusi Islam dengan adanya dana wakaf tunai (Sakti dll, 2016). Wakaf tunai dapat merancakkan ekonomi Islam untuk berkembang dengan lebih pesat dan dapat memulihkan sistem wakaf dengan baik (Ziyaviddinova & Sagdullaevich, 2020). Dengan itu, wakaf dapat memberi kesan yang optimis terhadap komuniti Islam yang dapat mempengaruhi akan sesuatu dan jurang antara golongan yang miskin dan golongan yang kaya dapat disingkirkan (Pitchay dll, 2014).

2.2 Perbadanan Wakaf Selangor (Pws)

Pada tahun 1952 negeri Selangor belum mempunyai institusi pengurusan wakaf yang sempurna. Cuma pada ketika itu lebih lebih difahami sebagai tuntutan agama. Di bawah Seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Islam No.3, 1952, ketika Jabatan Agama Islam Selangor ditubuhkan pada tahun 1952, proses pengurusan wakaf disusun dan dibuat, tetapi pelaksanaannya tidak dijalankan dengan lancar, dan banyak aset wakaf masih belum dilaporkan di bawah pengurusan unit tersebut. Kemudian, jabatan ini menubuhkan Enakmen Wakaf (Selangor) No. 7 pada tahun 1999 untuk menyeragamkan pengurusan wakaf di Selangor. Jabatan ini hanya berfungsi sebagai Mutawalli (pemegang amanah), di mana pentadbiran wakaf di bawah jabatan Baitul Mal dikenali sebagai unit wakaf (Sanusi & Shafiai, 2015). PWS dikenalpasti sebagai Perbadanan Wakaf Selangor yang ditubuhkan oleh Penubuhan Bersama Wakaf Selangor di bawah arahan 2011, menurut Seksyen 2 Enakmen Wakaf 2015. Bersama-sama perintah di atas dan Enakmen Wakaf 2015, pelaksanaan, fasiliti dan pengeluaran aset wakaf yang dimiliki oleh MAIS adalah di antara tanggungjawab PWS. Mereka juga bertanggungjawab untuk pendaftaran dan pemeliharaan data harta wakaf di negeri ini. Selain kuasa yang diberikan di bawah undang-undang Enakmen Wakaf 2015, PWS kini memiliki mandat untuk menerbitkan sekuriti wakaf, menerima saham, sukuk atau instrumen jaminan (Manaf dll, 2019). Berdasarkan di atas, Perbadanan Wakaf Selangor atau PWS merupakan salah satu institusi yang terlibat dalam pengurusan wakaf dan segala aktiviti yang berkaitan dengan wakaf adalah di bawah tanggungjawab mereka sebagai organisasi yang berkuasa dalam bidang wakaf di negeri Selangor. Selain dari pengurusan harta wakaf, mereka juga berperanan untuk memberi pendedahan dan mempromosikan wakaf di khalayak umum sebagai suatu galakkan kepada mereka untuk memberi wakaf. Peranan yang lain adalah untuk memberi penjelasan secara lebih terperinci tentang wakaf yang dapat menarik minat bukan sahaja orang Islam malahan yang bukan Islam juga turut menyumbangkan aset atau wang mereka sebagai tujuan wakaf.

3.0 Kaedah Penyelidikan

Kaedah yang digunapakai dalam kajian yang dijalankan adalah menggunakan pendekatan kajian jenis kualitatif (secara temu bual). Dalam sesi temu bual tersebut, beberapa staf/ pegawai PWS dihubungi bagi menjelaskan secara lebih mendalam perkara-perkara yang berkaitan dengan wakaf terutamanya tentang wakaf tunai. Data dikumpulkan melalui perbincangan menyeluruh dengan beberapa orang responden. Kerangka analisis data digunakan, termasuk pengumpulan, penyampaian data dan draf dan pengesahan kesimpulan (Miles & Saldana, 2014 seperti yang dipetik dalam Bakar dll, 2017). Maklumat atau data tersebut akan diperolehi melalui sesi temu ramah dengan pegawai atau kakitangan terpilih yang bekerja di PWS. Di samping itu, sesi temu ramah yang dijalankan adalah untuk mendapatkan data dan kemudiannya akan dianalisis. Akan ada beberapa persoalan yang telah dibuat berkaitan dengan objektif kajian. Sesi temu ramah juga akan berbentuk temu bual berstruktur. Orang-orang ditemu ramah dari institusi wakaf dipilih berdasarkan sampel yang bertujuan untuk pemilihan calon. Orang-orang yang diwawancara diberitahu oleh institusi




mereka mengenai amalan pengurusan wakaf. Ini penting untuk mengesahkan bahawa orang yang ditemubual dapat menunjukkan bagaimana pengurusan wakaf dipraktikkan di institusi mereka pada masa ini (Yin, 2014; Patton, 1990 seperti dikutip dalam Kamaruddin dll, 2018). Oleh itu, dalam proses wakaf, mereka memainkan peranan yang amat penting dan pengalaman yang mereka miliki dapat memberikan penjelasan dengan lebih mendalam mengenai masalah atau isu pengurusan wakaf. Temu ramah ditentukan untuk mengumpulkan pemikiran, penglibatan, dan ideologi tentang kesedaran mereka mengenai organisasi wakaf di institusi mereka (Sanusi & Shafiai, 2015).

4.0 Perbincangan Kajian

Kaedah temu bual yang digunakan adalah jenis temu bual berstruktur. Ini bermaksud, soalan-soalan yang telah dibuat seharusnya sama dengan semua responden. Soalan itu juga berbentuk pertanyaan formal dan telah dibuat berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan. Dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu wakaf tunai, amalan dan kesedaran berkaitan dengan kesedaran mengenai wakaf di kalangan umat Islam di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) melalui dana wakaf tunai di Selangor. Responden pertama ialah Anis Amirah Mohd Kifly⁶ sebagai Eksekutif Pemasaran Korporat), yang kedua adalah En. Mohd Azmi B. Misron (sebagai Pengurus Pemasaran dan Dakwah) dan responden terakhir ialah Pn. Siti Salwa Bt. Ahmad (sebagai Pembantu Eksekutif Pemasaran Korporat).


Temu ramah yang dibuat adalah dengan menggunakan panggilan telefon dan semua maklumat dan data dicatat dalam buku / helai kertas. Bahagian A merupakan soalan yang berkaitan dengan wakaf tunai.




Gambar Rajah 1.0

Gambar rajah 1.0 menjelaskan persoalan yang berkaitan dengan pratikal yang dilakukan oleh masyarakat untuk berwakaf..

⁶ Anis Amirah Mohd Kifly merupakan Eksekutif Pemasaran Korporat di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Temubual dijalankan pada



Manakala bahagian yang terakhir ialah bahagian C iaitu kaedah/ langkah mengatasi permasalahan berkaitan dengan wakaf.



5.0 Kesimpulan

Berdasarkan analisis kajian, harus dikatakan bahawa kesedaran dan pemahaman umat Islam terhadap dana wakaf tunai masih lemah dan rendah. Ini boleh menyebabkan pemikiran dan tanggapan yang salah terhadap dana wakaf tunai. Untuk mengatasi atau menyelesaikan masalah ini, beberapa cara yang dinyatakan dalam kajian ini dapat membendung isu sebelum menjadi semakin kritikal. Hasil dari kajian ini akan mengetahui wakaf tunai dan fungsinya, dan kaedah untuk mendorong orang ramai, terutamanya umat Islam akan dana wakaf tunai sehingga dapat meningkatkan tahap kesedaran di kalangan mereka melalui jenis wakaf ini. Secara ringkasnya, kesedaran mengenai wakaf tunai menjadi tanggungjawab umat Islam kerana ianya memberi banyak manfaat kepada masyarakat dan negara.



RUJUKAN

- Bakar, N. A. A., Hussain, M. N. M., & Hamed, A. B. (2017). Scrutinizing The Effects of Restructuring in Perbadanan Wakaf Selangor. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 2(4), 13-21.
- Baqutayan, S. M. S., Ariffin, A. S., Mohsin, M. I. A., & Mahdzir, A. M. (2018). Waqf Between The Past And Present. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 9(4), 149-155.
- Chowdhury, M. S. R., Ghazali, M. F., & Ibrahim, M. F. (2011). Economics of Cash Waqf Management in Malaysia: A proposed Cash Waqf Model For Practitioners And Future Researchers. *African Journal of Business Management*, 5(30), 12155-12163.
- Fauzi, M. H. H., Yahya, S., Hanaysha, J. R., Haron, M. S., & Zahrin, S. N. A. (2019). The Impact of trust in Cash Waqf Contribution: A Case Study of Wakaf Selangor Muamalat (WSM) Service of Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). *International Journal Of Business, Economics And Law*, 18(2), 1-10.
- Haron, M., Kamarudin, M. K., Fauzi, N. A. M., Ariff, M. M., & Zainuddin, M. Z. (2016). Cash Waqf Collection: Any Potential Factors to Influence it?. *International Journal of Business, Economics and Law*, 9(2), 27-33.
- Hassan, N., Abdul-Rahman, A., & Yazid, Z. (2018). Developing A New Framework of Waqf Management. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(2), 287-305.
- Ismail, W. M. W., Embong, R., Rahman, H. N. A., Romaiha, N. R., & Roseli, N. H. M. (2015). Awareness Of Cash Waqf Among The Malaysian Muslims. 1st International Islamic Heritage Conference, 409-420.
- Kamaruddin, M. I. H., Masruki, R., & Hanefah, M. M. (2018). Waqf Management Practices: Case Study in A Malaysian Waqf Institution. *World Journal of Social Sciences*, 8(3), 1-12.
- Mahat, M. A., Jaafar, M. Y., & Rasool, M. S. A. (2015). Potential of Micro-Waqf as An Inclusive Strategy For Development of A Nation. *Procedia Economics and Finance*, 31, 294-302.
- Manaf, Z. I. A., Kader, S. Z. S. A., & Mohamad, N. A. (2019). Examining The Evolution of Waqf Regulations in Selangor: An Analysis of The Governance Framework And Transformative Approach. *IIUM Law Journal*, 27(2), 337-365.
- Pitchay, A. A., Meera, A. K. M., & Saleem, M. Y. (2014). Priority of Waqf Development Among Malaysian Cash Waqf Donors: An AHP Approach. *Journal of Islamic Finance*, 3(1), 13-22.
- Puad, N. A. M., Rafdi, N. J., & Shahar, W. S. S. (2014). Issues And Challenges of Waqf Instrument: A Case Study in MAIS. *E-Proceedings Of The Conference On Management And Muamalah (Comm 2014)*, 116-127.
- Sakti, M. R. P., Thaker, H. M. T., Qoyum, A., & Qizam, I. (2016). Determinants of Cash Waqf Contribution in Klang Valley And Selangor: A Sem Approach. *Journal Of Islamic Monetary Economics And Finance*, 2(1), 111-144.
- Sanusi, S., & Shafiai, M. H. M. (2015). The Management of Cash Waqf: Toward Socio Economic Development of Muslims in Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 43, 3-12.
- Shukor, S. A., Anwar, I. F., Aziz, S. A., & Sabri, H. (2017). Muslim Attitude Towards Participation in Cash Waqf: Antecedents And Consequences. *International Journal of Business and Society*, 18(1), 193-204.
- Yaacob, H. (2013). Waqf History And Legislation in Malaysia: A Contemporary Perspective. *Journal of Islamic and Human Advanced Research*, 3(6), 387-402.
- Ziyaviddinova, M. M., & Sagdullaevich, K. K. (2020). Poverty Reduction by Islamic Waqf System. *Journal of Critical Reviews*, 7(4), 68-73.